



PERCUMA 10 - 17 Ogos 2012, 21 - 29 Ramadan 1433



140 muafaf antara penerima sumbangan zakat LZS sempena Aidilfitri

muka 7

Separuh pengundi DUN Selangor sudah dikenal pasti

muka 14

Tubuh 'NOW' bagi lindungi pemberi maklumat

muka 5



Gambar oleh Abdul Rahman/Abdul Sharif

## SANTUN...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bersalaman dengan penghuni Rumah Anak Yatim Taufiq Islami, Shah Alam, sambil diperhatikan Puan Sri Salbiah Tunut, yang sedang memangku cucu beliau, Ariff Fitri Fairuz, pada Majlis Berbuka Puasa Media Bersama Datuk Menteri Besar. Program berbuka puasa anjuran Sekretariat Akhbar Menteri Besar itu diadakan di Hotel Holiday Villa Subang

# Selangor bantu SYABAS selesai masalah air

SHAH ALAM - Walaupun hanya melibatkan diri sebagai jawatankuasa pemantau, Kerajaan Negeri Selangor sudah berjaya menyelesaikan masalah gangguan air di beberapa tempat yang selama ini tidak dapat ditangani Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, dengan penyertaan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamad Khusrin Munawi di dalam operasi Syabas, masalah air terawat di Balakong dan Serdang dapat diselesaikan.

Ini juga diusahakan di beberapa lokasi di kawasan Cheras, di mana pegawai Kerajaan Negeri menolong Syabas meningkatkan tekanan air di beberapa kawasan perumahan.

Kedua-dua kejayaan ini mencerminkan keupayaan Kerajaan Negeri dalam mengurus industri air di Selangor, walaupun hanya diberikan sedikit kuasa menerusi jawatankuasa memantau.

"Datuk Khusrin mempunyai masa terhad kerana terpaksa memantau (pengerusi eksekutif

Syabas) Tan Sri Rozali Ismail untuk menyelesaikan masalah air.

"Balakong yang dahulu tiada air, kini sudah selesai. Tiada masalah lagi," Abdul Khalid berkata pada sidang media selepas Mesyuarat Exco di sini.

Sebelum ini, Kerajaan Selangor memasukkan jawatankuasa yang diketuai Khusrin ke dalam Syabas bagi memantau operasi syarikat yang mengurus bekalan dan agihan air terawat itu di Selangor.

# Terima gaji RM400 ribu, Rozali ponteng taklimat penting

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Meskipun menerima bayaran RM400 ribu sebulan, Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Tan Sri Rozali Ismail gagal menjalankan tanggungjawab apabila 'ponteng' satu taklimat penting kepada jawatankuasa menyemak air yang dibentuk Kerajaan Negeri.

Kegagalan Rozali untuk hadir dalam taklimat penting ini, bagi mendapatkan gambaran sebenar berkenaan perkembangan terkini status bekalan air Selangor, mengundang kekecewaan Ahli Parlimen Utara, Tony Phua.

Memetik satu laporan wawancara eksklusif Malaysiakini ber-

sama Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, taklimat tersebut dihadiri oleh semua pegawai profesional tertinggi Syabas.

"Hanya dua orang yang tidak hadir (dalam mesyuarat), orang yang kita bayar RM400,000 sebulan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Ruslan Hassan.

"Semua profesional tertinggi hadir," kata Abdul Khalid merujuk dengan sinis kepada Rozali.

Menurut laporan itu juga, pegawai dari Syabas sendiri turut mempersetujui bahawa Selangor tidak mengalami krisis air dengan rizab kritikal dua peratus seperti yang didakwa syarikat itu sebelum ini.

lihat muka 2

lihat muka 2

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memutuskan untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Timbang Tara berkuat kuasa Rabu lalu bagi menyelesaikan konflik antara Universiti Selangor (Unisel) dengan Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB).

Jawatankuasa ini dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi, berhubung dakwaan hutang hampir RM15 juta Unisel kepada JNSB yang mengawal selia asrama di kampus induk universiti itu di Bestari Jaya, Kuala Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, tindakan itu diputuskan Kerajaan Negeri menerusi Mesyuarat Exco

# Jawatankuasa timbang tara selesai isu Unisel-Jana Niaga

yang berlangsung di sini.

Beliau menyifatkan keputusan itu adalah cara terbaik untuk menyelesaikan segala kontroversi dan dakwaan yang dilemparkan ke atas universiti milik penuh Kerajaan Negeri itu secara adil.

"Masalah ini hanya boleh diselesaikan melalui mesyuarat dan perbincangan bersama Datuk SUK, bukan dengan memberi kenyataan balas kepada akhbar.

'Saya maklumkan perkara ini

kepada Khusrin dan beliau ber-setuju untuk bertemu dengan wakil Unisel serta pihak JNSB supaya perkara ini dapat di atasi segera," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Khalid turut memaklumkan asrama berkenaan gagal mendapatkan sijil kelulusan bangunan (CF) ekoran kegagalan JNSB membina mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Beliau berkata, menerusi perjanjian yang dibuat pada Jun 2008, Unisel juga perlu mem-

bayar sewa menduduki asrama tersebut kepada JNSB 100 peratus walaupun ia tidak berpenghuni.

"Pada saya, nampaknya ia satu perkara berat sebelah untuk Unisel. Kita sudah maklumkan pada JNSB untuk dibincangkan sebagai timbang tara.

"Bangunan asrama dan Unisel secara keseluruhannya juga tiada CF.

"Sekarang JNSB kata, dia tiada duit untuk betulkan kesemua asrama itu.

"Kalau tiada duit, serahkan pada Unisel. Tetapi ia dikira sebagai pembayar hutang kerana Unisel terpaksa menanggung beban tersebut," katanya lagi.

Terdahulu, Timbalan Pengerusi Perhubungan BN Selangor, Datuk Seri Noh Omar mendakwa Unisel berhutang hampir RM15 juta dengan JNSB yang bertanggungjawab membina dan menguruskan kediaman penuntut di kampus induk universiti itu, di Bestari Jaya, Kuala Selangor.

dari muka depan

## Air terawat melebihi permintaan

Jawatankuasa ini dimasukkan ke dalam Syabas kerana Kerajaan Negeri tidak berpuas hati dengan cara ia mengendalikan industri tersebut.

Misalnya, Syabas pernah meminta untuk bekalan air terawat di Selangor dicatu kerana mendakwa tidak cukup untuk menampung permintaan pengguna di Lembah Klang.

Akan tetapi, kajian yang dilakukan oleh Unit Perancang Ekonomi Selangor menunjukkan bahawa kapasiti untuk loji-loji membekalkan air terawat adalah 4,809 juta liter sehari (MLD).

Manakala permintaan peng-

guna di Lembah Klang adalah 2,944 (MLD).

Di satu taklimat berkenaan isu air baru-baru ini, Timbalan Pengarah UPEN, Nor Azmi Diron berkata, jawatankuasa tersebut membuat beberapa perubahan pada sistem agihan Syabas supaya lebih banyak air dapat disalurkan kepada Balakong, Seri Kembangan dan Cheras.

"Bila kita semak pelan agihan, ada ruang untuk kita bawa lebih banyak air dari Sungai Labu dengan disokong oleh Sungai Semenyih bagi kawasan Cheras.

"Sebab itu 2-3 hari ini masalah di Cheras dapat kita selesaikan," katanya.

## Kerajaan Pusat ketepikan kepentingan rakyat

Sebaliknya menurut Abdul Khalid, 35 loji rawatan air di Selangor berkapasiti untuk mengeluarkan 4,960 juta liter air sehari (MLD), iaitu lebih 14 peratus atau 598 MLD daripada bekalan Syabas setiap hari.

Tony berkata, penolakan jempunan itu jelas mencerminkan sikap Rozali dan Ruslan yang tidak ikhlas untuk menyelesaikan isu air Selangor.

"Kami tak kira politik, yang penting nak selesaikan isu demi masyarakat negeri Selangor.

"Tetapi malangnya Muhyiddin tak hadir dan Rozali yang terima gaji RM400,000 sebulan pun tak hadir.

"Tetapi Muhyiddin tolak jempunan ini dan ini jelas Muhyid-

din tidak ingin menyelesaikan isu air Selangor, tetapi lebih berminat bermain politik dengannya," kata Tony ketika dihubungi Selangor Kini.

Tony turut menganggap tindakan Rozali tidak hadir dalam taklimat itu bertujuan untuk melindungi kepentingan diri sendiri dengan memastikan beliau terus diberi kuasa menerajui Syabas.

"Tindakan mereka ini sengaja menafikan hak rakyat untuk menikmati perkhidmatan air bersih pada kadar berpatutan semata-mata kerana mahu menawarkan kontrak besar dan lumayan kepada kroni termasuk projek Langat 2," katanya lagi.



**MESRA...** Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, bersama petugas Pusat Khidmat Masyarakat Lembah Pantai, mengedarkan bubur lambuk sempena Ramadan di sekitar Stesyen LRT Bangsar dan KL Sentral

## PNSB nafi dakwaan MCA berhubung status tanah Bestari Jaya

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) menafikan dakwaan MCA berhubung pembelian tanah di Bestari Jaya yang dikatakan mempunyai komplikasi kerana 80 peratus ditenggelami air.

Ketua Pengarah Eksekutif PNSB, Datuk Ahmad Omar berkata, plot tanah yang berkeluasan 1,312.89 ekar itu hanya meliputi 32 peratus air, manakala selebihnya adalah tanah dan hutan.

Katanya, kedalaman air itu juga hanya mencecah dua hingga 10 meter.

"Saya berani mengemukakan cadangan kepada lembaga pengarah untuk membeli tanah itu bagi tujuan pembangunan berdasarkan pengalaman saya sebagai jurutera dalam industri kapal korek selama 15 tahun.

"Kami yakin pelan pembangunan 'Bestari Lakeside' yang dirancang dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM1.9 bilion mampu menarik pembeli," katanya dalam sesi

taklimat mengenai isu air dan isu hutang Talam di sini.

Sebelum ini, Ketua Biro Muda Profesional MCA, Datuk Chua Tee Yong mendakwa jumlah keseluruhan tanah berkenaan merupakan lombong yang dipenuhi dengan air.

Katanya, tanah tersebut langsung tidak memberi pulangan menguntungkan, sebaliknya lebih banyak kerugian kepada kerajaan negeri kerana kawasan tanah tersebut langsung tidak ada pembangunan atau infrastruktur asas.

Oleh NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen), mengesahkan Selangor mampu menghasilkan air terawat yang mencukupi untuk kegunaan penduduk di Lembah Klang.

Timbalan Pengarahnya, Nor Azmi Diron berkata, Jawatankuasa Pemantauan Air yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri bagi mencari penyelesaian krisis air mendapati, 34 loji yang sedia ada mampu mengeluarkan air terawat sebanyak 4,807 juta liter sehari (JLH).

Katanya, jumlah pengeluaran air itu mengatasi jumlah penggunaan air penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, iaitu sebanyak 2,944 JLH.

Azmi menjelaskan jumlah pengeluaran air terawat itu juga berlebihan kerana Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) hanya mengagihkan air sebanyak 4,371 hingga 4,411 JLH sahaja.

"Manakala kadar pengeluaran air yang tidak terhasil (NRW) oleh Syabas sebanyak 1,389 JLH atau 32 peratus.

"Jumlah NRW ini adalah air yang tidak sampai kepada pengguna. Jadi, Syabas gagal memenuhi tanggung jawab untuk

# UPEN sahkan Selangor mampu hasilkan air terawat

## FAKTA

- Jumlah loji 34
- Jumlah air terawat 4,807 liter sehari (JLH)
- Jumlah keperluan air di Lembah Klang 2,944 JLH

membekalkan air terawat yang secukupnya kepada pengguna seperti yang dipersetujui dalam Penjanjian Penswastaaan Air 2004," katanya dalam Taklimat Isu Air dan Hutang Talam Corporation di Shah Alam Convention Centre, di sini.

Beliau berkata, dua daripada loji terawat, iaitu Loji Langat dan Semenyih mampu mengeluarkan lebih 20 peratus air terawat kerana reka bentuknya sejak 20 tahun lalu.

"Manakala ada juga loji yang hanya mampu mengeluarkan air terawat sebanyak 800 JLH, iaitu Sungai Selangor fasa 3 kerana



*Yahya Saari kemukakan pertanyaan pada sesi taklimat tersebut*

reka bentuknya," katanya.

Justeru, caduan air yang dicadangkan Syabas kepada kerajaan adalah tidak tepat dan merupakan pendirian yang tidak

boleh diterima.

Jawatankuasa Pemantauan Air itu dipengerusikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Khusrin Munawi dan diang-

gotai oleh pegawai-pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri, Konsortium Abbas dan bekas kakitangan Perbadanan Urus Air Selangor (Puas).

## Cadang guna semula loji Jelutong



*Tony Pua ketika menjawab soalan pemberita sewaktu taklimat air di Shah Alam Convention Centre*

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mempertimbangkan cadangan menggunakan semula Loji Air Bukit Jelutong sebagai langkah alternatif untuk meningkatkan kapasiti air untuk kegunaan pengguna di Selangor.

Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Selangor (Upen), Nor Azmi Diron menjelaskan, jika loji ini kembali beroperasi, dijangkakan mampu menghasilkan 50 juta liter air sehari.

"Loji Air Bukit Jelutong tidak digunakan sejak tahun 1995. Jika digunakan ia mampu men-

jana air sehingga 50 juta liter sehari. Dahulunya loji ini ditutup kerana mempunyai kadar racun yang tinggi. Maka kita sedang mengkaji dan mencari langkah terbaik agar loji ini dapat beroperasi semula," katanya dalam reaksi ketika menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Penyelaras DUN Permatang, Yahya Saari.

Selain itu, Kerajaan Negeri merancang untuk menggunakan teknologi membran dan menerokai sumber air bawah tanah yang boleh digunakan untuk meningkatkan penjaan-

air di loji terawat sedia ada.

Sebelum ini, Exco Selangor, Dr Xavier Jayakumar menyatakan Kerajaan Negeri sedang mengkaji untuk membelanjakan antara RM200 juta hingga RM300 juta untuk meningkatkan kemampuan rawatan air dengan menggunakan teknologi membran.

Berhubung persediaan penggunaan air menjelang musim perayaan, Nor Azmi memaklumkan, pihaknya akan memantau Standard Operation Prosedur (SOP) yang disediakan bagi mengelakkan sebarang gangguan yang tidak diingini.

## Bekalan air terawat cukup, tidak perlu catu

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri Selangor membantah sebarang bentuk cadangan catuan air di negeri ini kerana kapasiti air terawat sedia ada mencukupi bagi menampung kegunaan di Lembah Klang.

Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Selangor (Upen) Nor Azmi Diron (*gambar*) berkata, surat bantahan dikemukakan kepada semua pihak termasuk Kerajaan Pusat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Katanya, Kerajaan Negeri juga sedang menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan Balakong, Cheras dan Sri kembangan.

"Ada antara mereka yang tidak mendapat bekalan air sehingga 11 hari. Kita amat ber-simpati dengan keadaan itu.

"Kita ambil langkah segera dengan menghantar tanker melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhampiran, se-pasiti air terawat sedia ada mencukupi bagi menampung kegunaan di Lembah Klang.

Pada sesi taklimat tersebut, Azmi menjelaskan, pihaknya membuat beberapa perubahan di dalam sistem agihan supaya lebih banyak air dapat disalurkan kepada kawasan-kawasan tersebut.

"Bila kita semak pelan agihan, ada ruang untuk kita bawa lebih banyak air dari Sungai Labu dengan disokong oleh Sungai Semenyih bagi kawasan Cheras.

"Sebab itu 2-3 hari ini masalah di Cheras dapat kita selesaikan," katanya.

Sebelum ini, Syabas mendesak Kerajaan Pusat supaya mengadakan catuan air di Selangor kerana mendakwa tidak cukup bekalan air terawat.



## Buktikan mengapa George Kent layak laksana projek LRT

SHAH ALAM - Kerajaan dan Syarikat Prasarana Negara Bhd (Prasarana) perlu memberikan penjelasan kepada rakyat bahawa George Kent adalah 'konsortium terbaik' daripada segi harga dan kepakaran teknikal, berbanding syarikat itu sendiri yang membuat kenyataan.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua berkata, Prasarana perlu menunjukkan dokumen berkenaan dengan projek pembinaan tambahan LRT Ampang dengan membuktikan mengapa konsortium George Kent patut mendapat kontrak tersebut.

Sebelum ini, Prasarana mengumumkan bahawa George Kent Lion Pacific (GKLP-JV) berjaya mendapat kontrak tersebut yang bernilai RM956 juta.

Terdahulu Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli berulang kali mendakwa bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak, campur tangan dalam pembidaan tender tersebut.

"Beban daripada segala persoalan ini kepada Kerajaan Pusat untuk membuktikan bahawa tidak ada salah guna kuasa dalam penganugerahan tender kepada George Kent," kata Tony dalam kenyataannya.

Jelas beliau lagi, tindakan terbaik untuk kerajaan menghapuskan segala tuduhan ter-

hadap kronisme ini ialah dengan menunjukkan segala dokumen dalam penganugerahan projek ini.

Ia dari dokumen tender sehingga penyerahan projek, kepada kertas penilaian yang diaturkan oleh Prasarana dan panel konsultan serta minit mesyuarat dalam membuat keputusan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan berkenaan dengan penganugerahan projek ini.

"Dengan mendedahkan dokumen ini, barulah sejajar dengan apa yang Perdana Menteri katakan dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diketuai oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), yang mahu ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran dan perolehan projek kerajaan," ujarnya lagi.

Tambah Tony, kajian Pemandu sendiri semasa GTP Roadmap 2010 menunjukkan, '71 peratus daripada korporat tidak ada ketelusan dan keterbukaan dalam penganugerahan kontrak kerajaan'.

George Kent juga berkata, syarikat itu juga akan mengetuai projek LRT Ampang ini, bersama-sama Tewet GmbH, iaitu sebuah syarikat yang telah mempunyai pengalaman dengan membina lebih 400 projek serupa di seluruh dunia.

Turun faedah pinjaman perumahan

## Tuntutan CUEPACS munasabah

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Cadangan penurunan kadar faedah pinjaman perumahan daripada empat peratus kepada satu peratus untuk semua penjawat awam yang dituntut oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) adalah satu tuntutan yang munasabah.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad berkata, cadangan itu amat munasabah kerana ia berikutan kenaikan kos hidup yang tinggi, selain lonjakan harga rumah masa kini.

Katanya, ia perkara yang perlu diberi penekanan Kerajaan Pusat dan Suruhanjaya Khas Mengenai Transformasi Perkhidmatan Awam, selaras dengan janji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menjanjikan transformasi di negara ini.

**Sekiranya Umno-BN benar-benar mahu ingankan beban rakyat, turunkan ia kepada harga pengurusan seperti yang dicadangkan dan lakukannya secara konsisten**

**- DR DZULKEFLY**  
Ahli Parlimen Kuala Selangor



Penjawat awam menjadi tulang belakang kemajuan negara

Beliau berkata, dengan gaji penjawat awam pada masa kini menyebabkan mereka tidak mampu memiliki rumah, disamping tidak dapat menjana ekonomi negara.

"Mereka (Umno-BN) selalu lupa apabila turunkan semua ini, mereka ingat pendapatan kerajaan akan berkurangan, tetapi sebaliknya mereka lupa bahawa apabila rakyat mendapat kewangan kukuh mereka mampu berbelanja dan menabung," katanya ketika dihubungi.

Jelas Dr Dzulkefly secara sinis, sekiranya Umno-BN benar-benar mahu ringankan beban rakyat, turunkan ia kepada harga pengurusan seperti yang dicadangkan dan lakukannya secara konsisten.

"Kita tengok sama ada Kera-

jaan Pusat betul-betul konsisten atau tidak dalam membantu rakyat, bukan hanya slogan dan pemberian secara 'One Off' sahaja, tapi dalam jangka masa panjang.

"Bagi Pakatan Rakyat (PR), kami akan beri respons yang positif kerana kami tidak mahu melihat perkara ini sebagai satu penambahbaikan secara 'runcit-runcit', katanya.

Cuepacs mencadangkan penyelarasan imbuhan tetap perumahan kepada RM450 sebulan untuk semua penjawat awam dan penurunan kadar faedah pinjaman perumahan seperti mana di atas

Cadangan tersebut antara 23 syor yang dikemukakan Cuepacs kepada Suruhanjaya Khas Mengenai Transformasi Perkhidmatan Awam.

## Reformasi menyeluruh pengangkutan awam



Anwar mahu kurangkan beban hutang rakyat

PETALING JAYA - Pakatan Rakyat (PR) akan mengutamakan pelaksanaan sistem pengangkutan awam yang cekap dengan kadar munasabah sebagai rancangan kerangka dasar automotif negara jika berjaya menawan Putrajaya.

Menurut Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerangka baru dasar automotif negara ini adalah permulaan kepada reformasi menyeluruh sistem pengangkutan negara yang bermula dengan keutamaan mengurangkan beban hutang rayat.

"Rakyat Malaysia menanggung hutang dan terbeban dengan kos pengangkutan yang berganda setelah sekian lama. Masanya sudah tiba untuk menghentikan ketidak adil-

an ini dengan merombak dasar automotif negara demi kebajikan rakyat," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

Jelas Anwar, pelaksanaan ini dibuat di kota-kota utama Malaysia seperti Kuala Lumpur yang masih belum memiliki sistem pengangkutan yang baik.

Perkara asas yang perlu diambil kira adalah dasar automotif baru perlu melindungi kebajikan pekerja sektor automotif. Selain itu, dengan menambah baik sistem pengangkutan awam dengan kos yang munasabah, maka sasaran penggunaan kenderaan persendirian akan berkurangan dan jumlah gunapakai beban api dijangka akan menurun.

Melalui kerangka dasar baru ini, PR mensasarkan sistem pengangkutan awam yang cekap di rantau Asia Tenggara dalam tempoh 10 tahun dengan penumpuan terhadap sistem pengangkutan awam yang tidak menelan belanja besar tetapi dibuktikan berkesan terutamanya rangkaian bas dalam bandar yang kini diabaikan oleh pentadbiran sedia ada.

"Rangkaian keretapi di antara bandar yang lebih cekap dan murah agar penggunaannya boleh ditingkatkan berbanding dengan keadaan sekarang. Penstrukturan semua Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan pemodenannya akan menjadi salah satu fokus utama pentadbiran baru di Putrajaya," ujar Anwar lagi.

# Tubuh 'NOW' bagi melindungi pemberi maklumat

INFO

- NOW- Dana Pelindungan Pemberi Maklumat
- Akan dilancar pada 30 Ogos depan
- Sumbangan boleh disalurkan menerusi akaun:

**Oversight & Whistleblower Sdn Bhd**  
MAYBANK 562441603039

Oleh NAEEM RAFFI

**PETALING JAYA** - Menyedari ancaman hebat dikenakan ke atas pemberi maklumat yang tampil membongkar salah guna kuasa kerajaan, PKR bertindak menubuhkan satu badan khas bagi melindungi mereka.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli berkata, badan khas yang dinamakan Pusat Perlindungan Pemberi Maklumat Nasional (NOW) itu ditubuhkan ekoran Akta Perlindungan Pemberi Maklumat sedia ada tidak berfungsi sepenuhnya melindungi pemberi maklumat, sebaliknya diragui rakyat.

"Mereka sepatutnya dilin-

dungi kerajaan, bukannya diburu, diugut dan didakwa oleh kerajaan.

"Saya percaya selepas ini, pentadbiran Datuk Seri Najib Razak akan terus memburu pemberi maklumat dalam memastikan mulut mereka terus tertutup," ujarnya.

Jelas Rafizi, NOW berperanan sebagai badan pemantau. ia juga berfungsi untuk mendedahkan skandal-skandal besar yang cuba dilindungi oleh mana-mana badan yang berkepentingan awam.

"Selain itu, NOW ini juga melindungi dan menjaga keajikan pemberi maklumat melalui Dana Perlindungan Pemberi Maklumat yang menanggung kos guaman, kos hilang sara diri.

"NOW juga akan mengerjakan program kesedaran untuk mengalakkan lebih ramai

pemberi maklumat tampil ke hadapan dan melatih lebih ramai aktivis berkemahiran dalam menganalisis skandal dan melakukan pendedahan," jelas Rafizi.

NOW bakal beroperasi dari pusatnya di Sungai Besi yang lengkap dengan kemudahan dewan latihan untuk menjalankan program latihan dan wacana yang berterusan.

**Mereka sepatutnya dilindungi kerajaan, bukannya diburu, diugut dan didakwa oleh kerajaan. Saya percaya selepas ini, pentadbiran Datuk Seri Najib Razak akan terus memburu pemberi maklumat dalam memastikan mulut mereka terus tertutup**



**RAFIZI RAMLI**  
Pengarah Strategi PKR

## PR guna tema, logo, lagu kemerdekaan berbeza

**PETALING JAYA** - Pakatan Rakyat (PR) mengumumkan untuk menggunakan tema, logo dan lagu perayaan sambutan kemerdekaan yang ke-55 berbeza daripada yang diumumkan Kerajaan Pusat baru-baru ini.

Keputusan itu diambil apabila tema Hari Kebangsaan 'Janji Ditepati' yang diumumkan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, jelas bersifat kepartisan kerana ia merupakan tema kempen pilihan raya BN.

Menurut Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali (**gambar**), kepimpinan PR bersetuju untuk mengangkat 'Sebangsa Senegara Sejiwa' sebagai tema Hari Kebangsaan yang disambut pada 31 Ogos setiap tahun itu.

Bagaimanapun menurut beliau, logo dan lagu Hari Kebangsaan akan diumumkan dalam tempoh terdekat

"Kita sudah kenal pasti, kita akan umumkan secara rasmi di sini juga," kata Mustafa dalam sidang media PR yang diadakan

di Ibu Pejabat PKR di sini.

Mustafa juga memberitahu, lagu gubahan seorang komposer terkenal dipilih sebagai lagu tema Hari Kebangsaan tahun ini.

Dalam isu yang sama, Mustaffa memberitahu, Kedah dan Kelantan akan gunakan tema berbeza.

"Exco Kelantan dan Kedah akan guna tema lain kerana mereka terlebih dahulu buat keputusan dalam mesyuarat mereka, malah dah dicetak," katanya lagi.

Menurutnya, keputusan itu diambil bagi mengelakan pembaziran berlaku dalam negeri yang diterajui PR.

Sebelum ini, perisytiharan tema Hari Kebangsaan oleh Rais mendapat tentangan pelbagai pihak kerana didakwa tema berbunyi '55 Tahun Merdeka Janji Ditepati' itu mencerminkan BN.

Bagaimanapun Rais menegaskan tema Hari Kemerdekaan tidak akan berubah dan lagu serta logo telah diguna pakai untuk hari bersejarah itu kali ini.



**SEMANGAT...** bagi memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang 2012 di Bandaraya Shah Alam, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyerahkan 200 Jalur Gemilang kepada Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Bandaraya Shah Alam di SACC Mall. Penyerahan tersebut disempurnakan Pengurus Besar PKNS, Othman Omar

# 194,000 pemilik pangsapuri kos rendah nikmati potongan cukai

Oleh AFIX REDZUAN

**PANDAN JAYA** - Pemilik pangsapuri kos rendah di seluruh Selangor boleh menikmati pengurangan cukai taksiran sebanyak 25 peratus bermula sesi kedua pembayaran Julai-Disember 2012

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Settingan, Iskandar Samad berkata, berita baik ini melibatkan 194,000 pemilik pangsapuri kos rendah di negeri ini.

Syarat kelayakan pengurangan cukai ini adalah apabila pangsapuri tersebut didiami sendiri pemilik, atau didiami oleh waris pemilik, sama ada pemilik masih hidup atau meninggal dunia dan pemilik yang tidak mempunyai tunggakan.

Menurut Iskandar, meskipun perkara ini dimaklumkan pada awal Ogos, pemilik yang sudah membuat bayaran pada Julai turut merasai pengurangan berkenaan pada sesi pembayaran Januari - Jun 2013.

"Bagi yang membuat bayaran untuk tempoh tersebut, pengurangan ini akan dibawa ke hadapan untuk Januari - Jun 2013. Oleh itu pemilik akan mendapat pengurangan 50 peratus untuk tempoh Januari - Jun 2013.

"Pengurangan akan diberikan 'on the spot' apabila pemilik yang layak membuat bayaran di kaunter pembayaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mengemukakan borang khas yang telah disahkan," katanya yang juga Adun Cempaka.

Borang pengurangan cukai taksiran ini boleh dida-



*Penduduk Pandan Jaya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri*

pati melalui pihak PBT, dimuat turun daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor dan dicetak di dalam akhbar Selangor Kini dan Selangor Times sebelum 15 September 2012.

Borang ini juga akan turut diletakkan di pusat khidmat masyarakat di semua DUN Selangor.

Jelas Iskandar lagi, sepatutnya tempoh akhir bayaran perlu dibuat pada 31 Ogos 2012 namun pihaknya

akan melanjutkan tempoh berkenaan kepada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Pengesahan borang ini boleh dibuat Ahli Jawatankuasa JMB, Ahli Majlis MC, Pesuruhjaya Bangunan PBT (COD) atau Ahli Majlis PBT setempat.

Menurutnya lagi, kadar bayaran cukai taksiran di Selangor dalam anggaran RM90 hingga RM120 setiap setengah tahun.

"Melalui pengurangan cukai ini, Kerajaan Negeri akan mengalami defisit sebanyak RM20 juta untuk PBT setahun. Sebagai contoh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memperolehi penjimatan sebanyak RM11 juta hasil pengurusan sisa pepejal.

"Mereka memperuntukkan RM6 juta untuk penurunan cukai taksiran ini, namun masih memperoleh keuntungan sebanyak RM5 juta," jelas Iskandar.

Dalam pada itu, Gabungan Wakil Penduduk Flat Pandan Jaya berterima kasih di atas langkah Kerajaan Negeri menurunkan cukai taksiran sebanyak 25 peratus, sekali gus meringankan beban mereka selama ini.

"Sebelum ini kami terpaksa tampung kos yang agak tinggi untuk jelaskan cukai taksiran setiap tahun.

"Tetapi dengan penurunan yang dilakukan ini dapatlah kami menampung perbelanjaan yang lain seperti bil elektrik dan telefon yang turut membebaskan," katanya.

**Projek Industri Oleh S3 Land Sdn Bhd**

**KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT ANGKAT**

**Kilang Dan Pejabat Berkembar 2 Tingkat**

LOT BUMI SAHAJA

Tanah Dari : 12,035 sqft  
 GFA Dari : 6,306 sqft  
 Harga Dari : RM 2.39 juta

**S3 LAND SDN BHD (902754-U)**

No 4-2, Jalan PJS 11/28, Sunway Metro, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
 Tel : 03 - 5636 4251 Fax : 03 - 5632 0840 Email : s3.ba@hotmail.com Web : www.s3land.com.my

Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan : Majlis Perbandaran Kajang - No. Rujuk : MPKJ JPP/BPB/KM/ 137 2010 - Tarikh : 10hb November 2010

Maklumat yang terkandung di dalam sisipan akhbar ini adalah tertakluk kepada pindahan semasa tanpa sebarang pemberitahuan kerana mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau cadangan oleh Arkitek-arkitek atau Jurutera-jurutera dan tidak boleh mempunyai sebarang hubungan didalam urusan penawaran. Semua gambaran adalah ilustrasi pelukis. Semua ukuran adalah anggaran.

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin

Arfa'za Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Sheridan Mahavera Mohd Shakir

**PENGARANG BERITA:** Najib Hashim

**PENOLONG PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli Mashut

**PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com,

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com, Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Helmy Dawi

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
 Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

**PUCHONG** - Seramai 140 orang saudara baru (mualaf) di Puchong terharu selepas menerima sumbangan bernilai RM400 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Yusuf Islam Mohd Noor, 31, yang memeluk Islam pada September tahun lepas, mengucapkan syukur kerana masih ada pihak yang sudi memberi sumbangan kepadanya.

"Syukur alhamdulillah... saya sekeluarga kini memeluk Islam dan bagi persiapan raya, saya hanya membuat persiapan sederhana sahaja," katanya yang menerima sumbangan wang tunai RM400 pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Al-Ehsan Bandar Kinrara, Puchong.

Bagi Saidatul Halimah Chin Abdullah, 29, yang sudah memeluk Islam selama dua tahun itu berkata, wang berkenaan akan digunakan untuk pengajiannya di kolej.

"Saya tidak menyangka akan menerima sumbangan ini dan mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Zakat Selangor," katanya yang masih mendalami Islam dengan mengikuti kelas fardu ain anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim).

Dalam pada itu, seorang penerima upaya asnaf miskin, Kamillah Arifin, 41, berkata,

# 140 mualaf antara penerima sumbangan Aidilfitri

wang itu akan digunakan untuk keperluan empat orang anaknya bagi menyambut raya.

"Alhamdulillah... sekurangnya duit ini dapat meringankan beban saya mempersiapkan anak-anak menyambut syawal kelak," katanya yang sudah 11 tahun menjadi orang Kelainan Upaya (OKU).

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan semua sumbangan raya kepada asnaf-asnaf berkenaan.

Pada majlis itu, seramai 228 orang asnaf fakir dan miskin menerima RM400 setiap seorang dan 128 anak yatim menerima RM100.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi, Orang Besar Daerah Petaling, Datuk Emran Kadir, Exco Adat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Khairi, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Marzuki Hussin dan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa.




**PRIHATIN...** DYMM Sultan Selangor menyampaikan sumbangan kepada golongan OKU



**BANTU...** Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad, menyerahkan sumbangan kepada Samsinar Kosnan, Guru Besar Sekolah Rendah Agama Padang Jawa

## ML-16 KAWASAN PERINDUSTRIAN, BALAKONG Kilang Berkembar 3 Tingkat



- Hak milik bebas. 16 unit sahaja
- Berpagar dengan 24 jam kawalan keselamatan
- CCTV individu untuk setiap unit
- Ketinggian kilang 36 kaki
- Ketinggian bilik pameran (tingkat bawah) 20 kaki
- Pintu bergulung aluminium bermotor
- Kawasan tanah: 11,084 - 18,185 kaki persegi
- Kawasan berbina: 8,221 - 13,132 kaki persegi

### Lokasi Strategik

Dikelilingi oleh Lebuhraya KL Seremban, SILK, Besraya, Cheras-Kajang, Putrajaya dan KLIA



Pemaju:  
**MINLON LAND SDN BHD** (201101-11)  
Syarikat anak syarikat Kerajaan Negeri  
#06-01 Wisma Minlon, Bt 12, Labuhaya Sg Besi,  
43300 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia



Sila Hubungi: Jason Chong  
**012 297 6088**  
Agen Pemasaran Eksklusif  
Reapfield Properties (Puchong) Sdn Bhd



▲ Aliza Jaafar yang mewakili Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dan Sukarelawan Wanita Selangorku, bersama sebahagian pakaian raya yang sudah dibungkus untuk diedarkan. Sumbangan pakaian raya terpakai ini mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat di Selangor, Putrajaya dan Negeri Sembilan



▲ Majlis berbuka puasa dan tazkirah bersama pelajar PTRS dan Adun Taman Medan, Haniza Talha serta sukarelawan pejabat DUN Taman Medan



▲ Tazkirah Ramadan oleh Penyelaras DUN Sungai Panjang, Ustaz Haji Mohd Fadzlin Taslimin dan edaran bubur lambuk secara percuma di Bazar Ramadan Sungai Besar



▲ Kunjungan Pesuruhjaya PAS Negeri Selangor, Dr Rani Osman dan Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar ke rumah Datuk Dr Harun Din yang baru menerima rawatan jantung dari California



▲ MERIAH... Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan isteri, Puan Sri Salbiah Tunut, ketika meraikan petugas-petugas media dalam Majlis Berbuka Puasa Media Bersama Datuk Menteri Besar di Hotel Holiday Villa Subang Jaya



▲ Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat, menyampaikan cenderahati kepada Pengarah Program Pertandingan Futsal bawah 30 tahun kepada Mohd Hanafiah Yunus



▲ Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan kali ke -55 pada 31 Ogos ini, MBSA menyerahkan 500 bendera Jalur Gemilang di Dataran Shah Alam. Program dirasmikan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan



▲ Adun Lembah Jaya, Khasim Aziz (tengah) bersama penduduk dan Ketua Kampung Dato' Mufti, Tuan Haji Arshad Ali, mengedarkan bubur lambuk untuk masyarakat setempat



▲ Exco Selangor, Teresa Kok Suh Sim dan Elizabeth Wong, serta Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Puasa Mohd Taib, melawat pusat pameran inovasi pengurusan tenaga berasaskan teknologi pada hari perasmian 'Panasonic Econation Centre' di Petaling Jaya



# Penduduk gembira surau Al Qayyum berjaya disiapkan

Oleh HAFIZAN TAIB

**SURAU** Al Qayyum di Bandar Armada Putra, Pulau Indah di sini yang mula dibina pada akhir tahun lalu berjaya disiapkan menjelang Aidilfitri ini hasil bantuan Kerajaan Negeri dan sumbangan pelbagai pihak.

Pengerusi Surau Al Qayyum, Saiful Izan Mohd Isa berkata, biarpun menghadapi masalah pada awal pembinaannya tetapi dengan bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak, akhirnya surau tersebut dapat disiapkan juga.

Beliau berkata, pembinaan surau itu menelan belanja hampir RM900,000 dan ia dibina kerana surau sedia ada terlalu kecil untuk menampung jemaah yang semakin bertambah di kawasan perumahan itu.

“Kini surau tersebut sudah 95 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya sebelum Aidilfitri ini. Surau tersebut juga sudah mula digunakan dan ini satu yang menarik bagi penduduk di kawasan perumahan di sini.

“Peruntukan diterima ada-



**Surau Al Qayyum yang dijangka siap sepenuhnya menjelang Aidilfitri ini**

lah daripada banyak pihak termasuk hasil kutipan dan derma orang ramai, tidak terkecuali Kerajaan Negeri yang menyumbang sebanyak RM300,000. Kita merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas segala bantuan ini,” katanya.

Sementara itu, Penyelaras DUN Pelabuhan Klang, Suhai-

mi Mohamad Nor (*gambar kecil*) berkata, pihaknya menyumbang sebanyak RM10,000 bagi membantu pembinaan surau tersebut.

Menurutnya, hasil bantuan semua pihak, surau tersebut berjaya disiapkan walaupun pernah mengalami masalah.

“Hasil usaha dibuat Kerajaan

Negeri dan pihak yang prihatin akhirnya menyebabkan pembinaan surau ini berjalan seperti sedia kala dan berjaya disempurnakan.

“Kita di Pusat Khidmat Rakyat di DUN ini akan terus membantu kariah surau apa yang termampu demi kesejahteraan masyarakat di kawasan itu,” katanya.

**Hasil usaha dibuat Kerajaan Negeri dan pihak yang prihatin akhirnya menyebabkan pembinaan surau ini berjalan seperti sedia kala dan berjaya disempurnakan**

**- SUHAIMI MOHAMAD NOR**  
Penyelaras DUN  
Pelabuhan Klang

**PUSAT KHIDMAT DUN PELABUHAN KLANG**

No 38-A, Tingkat 1  
Solok Pendamar Indah 1  
42000 Pelabuhan Klang  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-3165 3376  
Fax: 03-3323 7012  
Cik Shida: 019-227 6641  
En. Suhaimi Md Nor:  
019-2625225



## Santai wayang pacak erat hubungan pemimpin rakyat

**PROGRAM** Wayang Pacak adalah salah satu program komuniti berbentuk hiburan secara santai yang dianjurkan Pusat Khidmat Rakyat DUN Pelabuhan Klang bagi mengeratkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat tempatan ke arah mewujudkan suasana mesra dan muhibah sesama insan.

Penyelaras DUN Pelabuhan Klang, Suhaimi Mohamad Nor berkata, program Wayang Pacak adalah program bagi masyarakat mendapat maklumat mengenai perancangan dan agenda Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR).

Menerusi penganjurannya, masyarakat setempat boleh berkongsi dan bertukar idea dengan pemimpin tempatan, selain mengetahui saluran yang betul bagi mendapatkan sebarang bantuan dan khidmat diperlukan mereka.

“Bagi menarik minat ramai, program ini dijalankan secara santai dengan diadakan beberapa sesi penerangan dan iklan termasuk tayangan filem untuk tontonan bersama. Selain itu jamuan ringan juga diadakan untuk semua tetamu

yang hadir.

“Sejak dimulakan pada Mei lalu, ternyata program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada kalangan penduduk setempat. Program terbaru diadakan di Flat Sri Bahtera, Bandar Armada Putra, Pulau Indah pada 14 Julai lalu dengan kehadiran kira-kira 200 orang,” katanya.

Suhaimi berkata, pihaknya akan menganjurkan program itu lagi kerana masyarakat setempat menerimanya sebagai satu majlis mesra bagi mereka berkumpul seisi keluarga pada masa lapang.

Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Blok F Flat Sri Bahtera, Rosni Talib berkata, penganjuran program itu dirasakan tepat kerana masyarakat dapat bertemu pemimpin tempatan secara dekat dan mendapat segala maklumat dan maklum balas berhubung sesuatu perkara dengan cepat dan lengkap.

“Sesi penerangan dengan diselang seli acara hiburan dalam program ini membolehkan hadirin berasa terhibur dan cara



**SANTAI... Wayang Pacak (gambar kecil) mendapat sambutan daripada masyarakat setempat.**

sebegini dilihat bagus untuk menarik minat penduduk untuk hadir.

“Hubungan sesama penduduk di sesuatu kawasan perumahan juga semakin

erat kerana dihimpunkan dalam program seperti ini,” katanya yang berharap banyak lagi program kemasyarakatan akan diadakan pada masa depan.

## Rakyat terima baik program ziarah pemimpin

**PROGRAM** ziarah dan kebajikan yang sering dianjurkan pemimpin Pakatan Rakyat (PR) bagi menjaga kepentingan rakyat yang memerlukan bantuan ternyata membawa reaksi dan kesan positif di kalangan masyarakat di Selangor.

Penyelaras DUN Sementa,

Mohd Bakir Abdul Wahab berkata, Pusat Khidmat Rakyat merangka pelbagai program seperti itu secara kerap untuk mendekati diri dengan masyarakat setempat di samping memenuhi keperluan golongan sasaran seperti keluarga fakir miskin, kurang berke-

mampuan, Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas dan sebagainya.

“Program terbaru pada Julai lalu yang kita jalankan adalah memberi bantuan keperluan harian kepada golongan warga emas di Kampung Perapat yang rata-rata agak uzur dan kurang sihat. Barangan keperluan harian diberikan adalah seperti beras, gula, tepung, bahan minuman dan lain-lain serta sedikit sumbangan kewangan.

“Ia bagi meringankan beban golongan tersebut selain meninjau akan keperluan mereka seperti warga emas yang memerlukan bantuan tambahan terutama dari segi perubatan bagi menjaga kesihatan,” katanya yang memaklumkan kira-kira 10 warga emas terlibat dalam program tersebut.

Setakat ini, beliau berkata, pihaknya sudah merangka pelbagai program bagi tujuan itu



**PRIHATIN...** Rubiam Hassan gembira menerima kunjungan Bakri dan petugas dari DUN Sementa

dan masyarakat menerima baik akan perubahan dilakukan Kerajaan pimpinan PR yang banyak mendampingi rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Perapat, Razali Rahmat menjelaskan, program digerakkan amat berguna dan memberi manfaat kepada golongan warga emas yang ada kalanya bagaikan terpinggir.

Katanya, pihaknya merakamkan terima kasih kepada Pusat Khidmat Rakyat Sementa di atas

keprihatinan dalam perkara itu.

“Semoga program ini dijalankan lagi supaya lebih ramai penerima yang layak akan mendapat bantuan dan pembealaan sewajarnya.

“Sebagai pemimpin di peringkat kampung, saya dan jawatankuasa akan membantu apa yang perlu demi menjayakan lagi program ini,” katanya lagi.



**Bakri melawat Bajuri Sakir, yang terlantar kerana lumpuh**

## RM8,000 bantuan baik pulih rumah terbakar

**SEBUAH** rumah di Kampung Perapat di sini yang mengalami kerosakan di bahagian atap akibat kebakaran pada April lalu berjaya dipulihkan hasil inisiatif Pusat Khidmat Rakyat di kawasan DUN Sementa di sini.

Kerja baik pulih tersebut dilakukan dalam tempoh lebih kurang tiga bulan dan keluarga terlibat kini sudah berpindah kembali ke rumah mereka pada akhir Julai lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Perapat, Razali Rahmat berkata, dengan inisiatif yang digerakkan itu memberi kelegaan kepada keluarga Kamariah Yahya dan keluarganya untuk mendiami semula kediaman mereka itu.

Beliau berkata, akibat kebakaran itu, keluarga tersebut terpaksa berpindah ke rumah saudara mereka yang berhamiran buat sementara waktu.

“Saya dan penduduk kampung berterima kasih dengan

**Kerja baik pulih tersebut dilakukan dalam tempoh lebih kurang tiga bulan dan keluarga terlibat kini sudah berpindah kembali ke rumah mereka pada akhir Julai lalu**

tindakan cepat ini dan keluarga terlibat juga tidak dibebani masalah berlarutan selepas segala masalah berjaya diselesaikan.

“Bantuan pada waktu keemasan seperti ini amat besar maknanya kepada kami penduduk kampung yang kebanyakannya adalah mereka yang kurang berkemampuan,” katanya.

Sementara itu, Penyelaras DUN Sementa, Mohd Bakir Abdul Wahab berkata, pihaknya menghulurkan bantuan kira-kira RM8,000 bagi kerja membaik-



**Rumah yang rosak teruk akibat kebakaran kini telah dibaik pulih. Gambar kecil: Razali Rahmad**

pulih atap rumah tersebut.

Selain itu, katanya, sumbangan lain juga diberikan dalam bentuk barangan keperluan harian dan wang sagu hati di dalam tempoh keluarga terlibat menunggu rumah mereka

disiapkan.

“Sebagaimana komitmen Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat yang mengutamakan kebajikan rakyat, maka kita di peringkat DUN mempraktikkan amalan sama demi kepen-

tingan semua pihak.

“Peruntukan bagi kerja baik pulih dan segala bantuan diberikan kepada keluarga tersebut adalah daripada peruntukan yang disalurkan kepada Pusat Khidmat Rakyat di kawasan ini,” katanya.

**PUSAT KHIDMAT DUN SEMENTA**

NO. 30 Tingkat 1, Batu Lima

Jalan Kapar 42100 Kapar, SELANGOR

TEL :03-3290 4842 FAX : 012-263 1070

Nadia: 016 657 9194

Penyerelas DUN - Hj Mohd Bakir bin Hj Abd Wahab:

012 304 1538



Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Majlis Ulama Rohingya Malaysia antara sembilan badan amal yang menerima bantuan zakat daripada anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Worldwide Holdings Berhad, baru-baru ini.

Atas nama kemanusiaan, majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) itu turut menyaksikan sumbangan RM30,000 dihulurkan kepada Majlis Ulama Rohingya Malaysia yang diwakili Pengerusinya, Mohd Jaber Mohd Subahan.

"Kami sangat berbesar hati dan terharu dengan keprihatinan pelbagai pihak di Malaysia terhadap nasib yang menimpa kami di Burma.

"Sememangnya kami mengharapkan bantuan dan sum-

# Worldwide serah zakat bantu pelarian Rohingya

bangian bagi meringani beban dan tekanan hidup kami di sana," ujar Jaber.

Dalam majlis itu, Worldwide menyempurnakan sumbangan zakat berjumlah RM145,850 kepada sembilan penerima dalam satu Majlis Berbuka Puasa.

Antara lain, Worldwide juga memberi sumbangan RM20,000 kepada Islamic Relief Malaysia, RM40,000 kepada Maahad Dakwah Wa Irsyad Mohd Al Fateh bagi pembinaan pondok asrama serta RM5,850 kepada Pertubuhan Membantu Pesakit Parah Miskin Malaysia.



Maahad Dakwah Wa Irsyad Mohd Al-Fateh turut mendapat dana bagi pembinaan asrama tahfiz



**Kami sangat berbesar hati dan terharu dengan keprihatinan pelbagai pihak di Malaysia terhadap nasib yang menimpa kami di Burma.**

**- MOHD JABER MOHD SUBAHAN**  
Pengerusi Majlis Ulama Rohingya Malaysia



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut :-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Membina Dan Menyiapkan Satu (1) Blok Empat (4) Tingkat Bangunan Tambahan Sekolah Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di SRA Bukit Changgang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.  No. Tender : JKR/SEL (N)056(T)/2012	T1	Bumiputera  <i>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)</i>	PKK Kelas : C  Kepala : II Sub. Kepala: 2(a)  Dan  CIDB	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam.  Pada 07/08/2012 (Selasa)  Hingga 16/08/2012 (Khamis)  Waktu Urusniaga Isnin-Khamis 8.00-12.00tgh. 2.00ptg-4.00ptg  Jumaat: 8.00pg-11.00tgh. 2.45ptg- 4.00ptg	Lawatan Tapak adalah digalakkan  Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan: Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Selangor: 03-55447753 dan JKR Kuala Langat 03-31871025	RM 250.00  (Bank Draf atau Kiriman Wang Pos)  (bayaran ini tidak akan dikembalikan)  Atas Nama: Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak&Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  Pada: 30/08/2012 (KHAMIS) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.  Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- \*Jenis Pendaftaran:
- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
  - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
  - A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
  - T2 - Tidak berkenaan

Turut menerima sumbangan ialah Tabung Pendidikan Pertubuhan Kebajikan Pelajar-pelajar Tahfiz Malaysia (Tahfiz), Rumah Ummul Qura, Pusat Sumber Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Bistari dan Persatuan Bekas Polis Malaysia yang masing-masing menerima RM10,000.

Selain itu, sumbangan RM10,000 turut diberikan kepada kanak-kanak kurang upaya, Muhammad Irfan Fakri Rosazman, 6, bagi membiayai pembelian kerusi roda elektrik dan mesin jahit bagi menjana pendapatan kedua-dua orang tuanya.

Semua sumbangan disampaikan Pengerusi Worldwide, Datuk Mohamad Arif Abd Rahman yang turut diiringi Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Othman Omar dan Pengarahnya, Datin Paduka Norazlina Zakaria.



**SIMPATI... penderitaan Adik Irfan turut mendapat perhatian Worldwide**

# Rumah urut tawar khidmat seks disita

KLANG - Sebuah premis rumah urut haram yang disyaki menawarkan perkhidmatan seks disita dalam satu serbuan di Bandar Botanic di sini.

Ketika serbuan, terdapat dua pelanggan dan tiga pekerja warga asing dari Thailand dan Myanmar, manakala pemilik premis bertindak melarikan diri apabila menyedari kehadiran pihak berkuasa di situ.

Pengarah Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK), Andry Arman Masrom berkata, operasi yang diadakan adalah hasil risikan

dan maklumat orang ramai serta pemantauan berterusan pihaknya terhadap premis-premis rumah urut, khususnya sekitar kawasan ini.

"Antara barangan yang disita ialah tilam, bantal dan langsir serta tindakan diambil di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3, Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan MPK 2007 kerana beroperasi tanpa lesen.

"Operasi seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan tiada pihak yang melanggar undang-undang ditetapkan majlis, ter-

utamanya berkaitan premis rumah urut" katanya.

Andry berkata, rumah urut berkenaan dipercayai menawarkan tiga pakej kepada pelanggan antaranya urut batin, B2B dan perkhidmatan seks dan bayaran sekitar RM135 sehingga RM168.

Menurutnya, MPK tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang ingkar kepada undang-undang dan majlis sentiasa mengalu-alukan aduan dan pendapat daripada orang awam bagi tujuan pencegahan.



CEGAH... MPK teruskan operasi membanteras rumah urut haram



**ENAK...** Pemangku Yang Dipertua MDKL, Hafiz Shaari (berkaca mata) mengacau bubur lambuk bersama kakitangan sewaktu Program Gotong-Royong Bubur Lambuk MDKL 2012 bagi diedarkan kepada orang ramai sekitar Kuala Langat

## Gangguan samseng jejas projek MPS

SELAYANG -Majlis Perbandaran Selayang (MPS) memadamkan tindakan sekumpulan samseng yang didakwa meminta 'duit kopi' daripada kontraktor ketika kerja-kerja menurap jalan di Batu Caves melalui peruntukan MARIS di bawah Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Yang Dipertua MPS, Datuk Zainal Abidin Aala berkata, kumpulan samseng bertindak merampas kunci jentera-jentera yang digunakan kontraktor yang dilantik MPS dan meminta 'duit kopi' daripada kontraktor terlibat.

"Perkara ini amat serius dan saya akan arahkan satu jawatankuasa khas ditubuh untuk mengadakan perbincangan dengan polis bagi mengatasi masalah ini," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Bulanan MPS di Bangunan MPS, di sini.

Katanya, samseng berkenaan turut mengganggu kakitangan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) ketika membuat kajian mengenai tanah runtuh di Taman Rawang Perdana minggu baru-baru ini.

"Mereka yang terlibat juga tidak berani melaporkan

perkara ini kepada polis dan kita akan adakan satu mesyuarat segera mengenai perkara tersebut kerana sudah empat kali dalam tahun ini kita diganggu," katanya.

Zainal Abidin berkata lagi, tujuan kumpulan samseng ini adalah bagi mendapatkan wang segera dengan memeras ugut dan mengganggu projek-projek di bawah kelolaan MPS.

Sementara itu, mesyuarat bulanan ini turut dihadiri Timbalan Yang Dipertua MPS, Mohamad Zain Abd Hamid, pengarah jabatan dan Ahli-ahli Majlis MPS.

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilaporkan? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**  
Tel : 03-6064 1331 SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**  
www.mpklang.gov.my  
Kutipan Sampah  
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )  
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)  
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);  
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)  
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825  
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**  
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**  
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**  
www.mps.gov.my  
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**  
www.mbsa.gov.my  
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**  
www.mpsj.gov.my  
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
www.mbpj.gov.my  
Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) / 03-7956 3544 (am)  
SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213



## MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau  
03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rangkaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455  
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT** Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3,  
Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau  
03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**  
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736  
email : info@semesta.com.my  
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,  
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi  
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza  
Perangas, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977  
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**  
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**  
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,  
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617  
Laman Web <http://www.mimbarselangor.org>

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**  
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan  
SultanSalahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312  
Fax : 03-551055829  
Laman Web <http://www.skimsel.com>

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**  
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**  
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543 Faks: 03-55104095/ 55135564/  
55447391  
Blog <http://tuisyenrakyat.blogspot.com>



**LAZAT...**  
petugas  
media berbaris  
mengambil  
juadah untuk  
berbuka puasa

# Separuh pengundi sudah dikenal pasti

Oleh NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Separuh daripada 56 kawasan DUN Selangor berjaya menyelesaikan proses mengenal pasti pengundi dalam Program Selangorku Bersih.

Ini merupakan peningkatan daripada tujuh DUN yang berjaya menyemak daftar pengundi sehingga 30 Julai lalu.

"Saya fikir dalam masa dua minggu lagi ia akan dapat diselesaikan," ujar Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika meraikan petugas media dalam Majlis Berbuka Puasa Media Bersama Datuk Menteri Besar.

Program Selangorku Bersih yang dilancarkan pada April ada-

lah audit terhadap daftar pemilih Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang akan digunakan di Selangor.

Ia bagi memastikan pemilih yang berdaftar benar-benar rakyat Selangor yang bermastautin dan mempunyai hak menentukan kerajaan Selangor.

Beberapa laporan sebelum ini oleh pemimpin Pakatan Rakyat (PR) Selangor mendedahkan terdapat beribu-ribu pengundi di dalam daftar pemilih baru yang statusnya sebagai rakyat Selangor diragui.

Menurut Abdul Khalid, keputusan kaji selidik itu akan diumumkan selepas ia siap sepenuhnya kelak.

Abdul Khalid dalam ucapannya

turut menyentuh proses audit terhadap proses kutipan hutang Talam Corporation Bhd.

"Kerja audit dah pun dimulakan oleh juru audit luar bertauliah. Hari ini, ada lebih kurang sepuluh orang juru audit menjalankan proses audit itu.

Kita akan umumkan bila ia selesai sepenuhnya," ujar Abdul Khalid.

Sementara itu, majlis berbuka puasa meraikan petugas media itu dimeriahkan dengan kehadiran hampir 300 pengamal media sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

Turut diraikan dalam majlis itu, penghuni Rumah Anak Yatim Taufiq Islami, Shah Alam.

# Tadarus dan tadabbur bagi hayati al-Quran

**KUALA SELANGOR** - Program Tadarus dan Tadabbur Perdana Selangor tahun ini memberi peluang kepada umat Islam berkumpul di masjid dan surau bagi mempelajari bacaan al-Quran dan menghayatinya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, program tersebut dilancarkan bersesuaian dengan Ramadan di mana semua umat Islam menjalani ibadah puasa.

Katanya, program tersebut diadakan di masjid dan surau sekitar Kuala Selangor dengan harapan ia turut dipanjangkan di seluruh Selangor.

"Tujuannya untuk menggalakkan umat Islam, iaitu Mus-

limin dan Muslimat untuk datang ke masjid dan surau di mana program ini adalah program masyarakat.

"Mereka dapat berkumpul bersama-sama dengan membaca al-Quran dan saling mengajar antara satu sama lain. Tiada siapa dikecualikan, dan semua digalakkan.

"Dalam Islam semua ahli masyarakat perlu bersama, iaitu siapa yang bagus menolong mereka yang kurang bagus dan siapa yang berada menolong mereka yang kurang berada



terutama dalam bulan Ramadan ini," katanya dalam sidang media selepas pelancaran majlis tersebut.

Program Tadarus adalah majlis pembacaan al-Quran, manakala Tadabbur pula adalah majlis memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran.

# Waris, peneroka Sungai Buaya tuntutan pampasan

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kumpulan generasi ke dua bekas peneroka Felda Sungai Buaya berikrar untuk meneruskan perjuangan bagi menuntut baki bayaran pampasan yang sepatutnya diterima pemilik asal tanah.

Kumpulan tersebut yang mewakili 363 bekas peneroka mendakwa, syarikat Murna Jaya Development Sdn Bhd yang mengambil alih tanah seluas 3100 ekar di bekas tanah rancangan felda itu membayar RM185 ribu, tetapi masih berhutang RM815 ribu kepada setiap bekas peneroka terlibat.

Setelah 18 tahun berlalu, syarikat terbabit didapati masih gagal menjelaskan baki bayaran kepada bekas peneroka di situ.

Menurut generasi kedua bekas peneroka felda tersebut, Yusri Saringat (*gambar*), perjuangan menuntut hak mereka wajar diteruskan generasi baru



**Dah 18 tahun berlalu... terlalu lama sampaikan ramai di antara peneroka asal tanah rancangan ini sudah pun meninggal dunia**

**- YUSRI SARINGAT**  
Generasi kedua bekas peneroka felda

daripada bekas-bekas peneroka tersebut.

"Dah 18 tahun berlalu... terlalu lama sampaikan ramai di antara peneroka asal tanah rancangan ini sudah pun meninggal dunia.

"Dari 363 peneroka asal, kini tinggal hanya 73 orang sahaja dan yang lain dah pun meninggal dunia.

"Sekarang terpulang kepada waris mereka untuk meneruskan perjuangan, sebab ini memang hak mereka," ujar Yusri.

Menurut Yusri, pihak bekas peneroka di sini sedang giat menyusun gerakan untuk mendesak pihak terlibat menyelesaikan pampasan tertunggak itu.

"Masa Pilihan Raya Kecil (PRK) Hulu Selangor sebelum ini pun begitu, bila masyarakat termasuklah dari pembangkang beri tekanan barulah nak keluar bayaran.

"Itu pun sebab nakkan undi kami, kalau tak memang tak jalan," kata Yusri.

Pada April 2010, dalam satu kempen PRK, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan bayaran pampasan sebanyak RM50,000 bagi setiap

"Setelah bayaran itu dibuat, BN tidak melakukan apa-apa untuk membangunkan tanah tersebut dan kedudukan peneroka-peneroka masih tidak terbelah," katanya lagi.

Syarikat Murna Jaya turut mengambil kesempatan menjualkan tanah seluas 600 ekar yang diserahkan peneroka kepada mereka.

Bagaimanapun hasil jualan itu tidak pula dibayar kepada bekas peneroka atau waris peneroka terbabit.

## Diskusi khas bagi tingkatkan ilmu Muslimat

SHAH ALAM - Sebanyak 37 masjid dan surau dari sembilan daerah di negeri ini dikenal pasti untuk menjayakan Program Diskusi Khas Muslimat Sempena Ramadan, selaras dengan hasrat Kerajaan Selangor untuk memartabatkan peranan wanita.

Program yang dianjurkan Jawatan-kuasa Tetap Hal Ehwal Wanita bersama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) itu bertujuan meningkatkan ilmu wanita, khususnya bagi mereka yang bertadurus secara berkumpulan di masjid dan surau.

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail berkata, program itu merangkumi sebahagian daripada usaha pemberdayaan wanita Selangor dalam bidang sosial, budaya dan agama yang menjadi teras kehidupan rakyat.

Menurutnya, program yang julung kali diadakan ini merangkumi pelbagai aktiviti, antaranya tadarus, zikir dan ceramah Ramadan.

"Dalam konteks bidang agama, amatlah sesuai kerjasama bersama Jais dilakukannya secara berterusan agar usaha memantapkan aqidah di kalangan wanita dapat dikekalkan.

"Fahaman itu seterusnya dapat kita terapkan kepada masyarakat bukan Is-



**Kaum wanita tanpa mengira usia mengambil bahagian bertadurus di Masjid Negeri**

lam terhadap sensitiviti masyarakat Muslim dan begitulah sebaliknya," katanya semasa merasmikan program itu di Masjid Negeri, baru-baru ini.

Program itu dihadiri kira-kira 200

orang dengan disertai beberapa tetamu jemputan antaranya, Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris, Anhar Opir serta pendakwah bebas terkemuka, Datuk Seri Nur Bahyah Mahmood.

dari muka belakang

## Petani bantah keras projek kolam udang

"Saya anggarakan yang terjejas daripada kewujudan kolam udang ini lebih daripada 1,000 orang, sekarang ini mereka tidak dapat pergi ke laut untuk mencari hasil," katanya.

Sebelum ini petani, Manan Osman, 54, mendakwa, sebelum wujudnya kolam udang ini pendapatan petani di kawasan tersebut agak lumayan berbanding sekarang, ekoran kehadiran monyet-monyet yang banyak memasuki kawasan pertanian kerana penerokaan hutan yang menjadi habitat hidupan liar itu.

"Saya memang membantah sekeras-kerasnya projek ini. Sikap Noh Omar yang tidak memahami hati rakyat, menyebabkan petani terlalu risau memikirkan cara mengatasi masalah yang dihadapi sekarang ini," ujarnya.

Sehingga berita ini ditulis, usaha Selangor Kini menghubungi Setiausaha Politik kepada Noh, iaitu Datuk Mohammed Shafie Asnami untuk mendapatkan respons berkenaan bantahan petani belum berhasil kerana beliau diberitahu masih berada dalam mesyuarat.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
10 - 17 OGOS 2012, 21-28 RAMADAN 1433							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Jumaat	5:42	5:52	7:12	1:21	4:40	7:28	8:40
11 Sabtu	5:43	5:53	7:12	1:21	4:39	7:28	8:39
12 Ahad	5:43	5:53	7:12	1:21	4:38	7:27	8:39
13 Isnin	5:43	5:53	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38
14 Selasa	5:43	5:53	7:11	1:21	4:37	7:27	8:38
15 Rabu	5:43	5:53	7:11	1:20	4:37	7:27	8:38
16 Khamis	5:43	5:53	7:11	1:20	4:36	7:26	8:37
17 Jumaat	5:43	5:53	7:11	1:20	4:36	7:26	8:37
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Jumaat	5:44	5:54	7:14	1:23	4:42	7:30	8:42
11 Sabtu	5:44	5:54	7:14	1:23	4:41	7:30	8:41
12 Ahad	5:45	5:55	7:13	1:23	4:40	7:29	8:41
13 Isnin	5:45	5:55	7:13	1:23	4:40	7:29	8:41
14 Selasa	5:45	5:55	7:13	1:23	4:39	7:29	8:40
15 Rabu	5:45	5:55	7:13	1:22	4:39	7:29	8:40
16 Khamis	5:45	5:55	7:13	1:22	4:38	7:28	8:39
17 Jumaat	5:45	5:55	7:13	1:22	4:38	7:28	8:39

## DAPATKAN Selangor Kini

- Pejabat Adun / Pusat Khidmat Wakil Pakatan Rakyat
- Pejabat Penyelaras DUN
- Masjid Semasa Solat Jumaat
- Pejabat Penghulu
- Surau - surau terpilih



E-paper Selangor Kini boleh dibaca di [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)



**TUNTUT  
PENJELASAN...**

tidak puas hati dengan penglibatan Menteri Pertanian dan industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar yang didakwa memiliki kepentingan dalam projek kolam udang di kawasan Tanjong Karang dan Sungai Burong. Kira-kira 150 nelayan dan petani hadir dalam bantahan aman itu kerana mendakwa projek berkenaan menjejaskan punca pendapatan mereka. Penduduk juga mempertikai bagaimana Noh boleh memiliki tanah seluas 30 ekar sedangkan dalam masa yang sama rakyat sukar untuk mendapatkan tanah

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**TANJONG KARANG** - Kira-kira 150 petani dan nelayan mengadakan perhimpunan aman di hadapan pintu masuk projek kolam udang yang didakwa Datuk Seri Noh Omar, memiliki kepentingan.

Adun Sekinchan, Ng Suee Lim berucap dalam bantahan itu berkata, Noh selaku Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani tidak wajar terlibat dalam projek penternakan udang itu kerana ia akan mewujudkan perancangan kepentingan.

Suee Lim mendakwa memiliki dokumen yang menunjukkan Noh memiliki tanah kerajaan semasa pentadbiran BN sedangkan rakyat Tanjong Ka-

## Kolam udang Noh Omar didakwa jejasakan pendapatan nelayan

rang dan Sungai Burong sukar untuk mendapatkan tanah bagi membina rumah.

“Tetapi ada pemimpin dapat tanah bukan satu dua ekar, tetapi dapat 30 ekar, iaitu Noh Omar yang merupakan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Selangor merangkap Ahli Parlimen Tanjong Karang, apa keistimewaan Noh Omar rakyat hendak tanya?” soal Suee Lim.

Menurut Suee Lim, beliau mendesak Noh tampil memberi-

kan penjelasan kepada rakyat berhubung kaitannya dengan projek kolam itu pada kadar segera.

“Kalau Noh gagal menjawab persoalan yang kita bangkitkan, kenapa beliau boleh mendapatkan 30 ekar tanah dan apakah keistimewaan beliau, maka beliau perlu meletakkan jawatannya,” tegas Suee Lim.

Dakwanya lagi, dalam dokumen yang perolehinya itu menunjukkan adanya akuan bersumpah yang menunjukkan

adanya kerjasama antara Noh dengan syarikat Pristine Agrofood Sdn Bhd yang melaksanakan projek penternakan udang itu.

Sementara itu, Naib Yang Dipertua PAS Tanjong Karang, Misran Serman berkata, kawasan itu tidak wajar diterokai kerana ia adalah tanah simpanan hutan kayu bakau yang dijadikan sebagai pemampasan daripada berlakunya hakisan pantai.

“Sebelum ini apabila penduduk kampung membuat pe-

nerokaan hutan, akan ditangkap oleh Jabatan Hutan.

“Dalam jarak 100 meter dari pantai tidak boleh dilakukan aktiviti pertanian dan ini menyalahi akta alam sekitar,” katanya.

Misran mendakwa sejak kewujudan kolam udang ini disyaki hasil kerang dan laut berkurangan sehinggakan menjejaskan pendapatan para nelayan.

[Lihat muka 15](#)

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>  
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>  
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ARTIKEL/VIDEO